

**SURAT AKUAN OLEH PENYEDIA LATIHAN YANG TERLIBAT DALAM  
URUSAN PEMBIAYAAN LATIHAN KEMAHIRAN DENGAN PERBADANAN  
TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

Saya, .....No. Kad Pengenalan..... yang mewakili Penyedia Latihan ..... kod Penyedia Latihan ..... adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili penyedia latihan ini :

- i. Tidak akan terlibat dalam apa-apa perbuatan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan atau percubaan untuk melakukan kegiatan rasuah dalam menawar, memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan daripada mana-mana orang yang terlibat dengan proses permohonan ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana orang dalam Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran atau mana-mana orang lain dalam apa-apa urusan dengan Perbadanan ini; dan
  - ii. Tidak akan melakukan atau terlibat dengan pemalsuan maklumat atau memberikan apa-apa pernyataan yang palsu dengan niat hendak memperdayakan atau mengelirukan PTPK dalam membuat apa-apa tuntutan.
2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili Penyedia Latihan ini didapati terlibat dalam apa-apa pakatan dengan Penyedia Latihan lain berkenaan urusan mendapatkan pembiayaan latihan kemahiran atau menawarkan, menjanjikan, atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam PTPK atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk kelancaran proses seperti di atas, maka saya sebagai wakil Penyedia Latihan bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:
- 2.1. Pendaftaran penyedia latihan kemahiran digantung atau dibatalkan;
  - 2.2. Lain-lain tindakan undang-undang di bawah Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2006 (Akta 640) atau mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa sekarang.
3. Saya sesungguhnya faham bahawa:
- 3.1. Saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan penyedia latihan boleh didakwa bagi kesalahan\* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Akta 694) dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta saya boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau

mana-mana orang yang mewakili penyedia latihan ini untuk mematuhi surat akuan ini.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan penyedia latihan ini, maka saya berjanji akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694) dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
5. Saya tidak akan memberikan apa-apa pernyataan yang palsu dengan niat hendak memperdayakan atau mengelirukan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dalam membuat apa-apa tuntutan kerana ianya merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 18 Akta 694 yang boleh disabitkan dengan hukuman di bawah Seksyen 24(2) Akta 694 iaitu penjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh (20) tahun dan denda tidak kurang daripada RM10,000.00;
6. Saya dengan ini sedar dan mengakui bahawa kegagalan untuk mematuhi segala apa yang terkandung dalam surat akuan ini adalah satu kesalahan di bawah Akta 694, Akta 640, dan mana-mana statut yang dinyatakan di atas serta boleh dihukum di bawah statut masing-masing.

Yang benar,

Tandatangan	:	.....
Nama	:	.....
No. KP	:	.....
Tarikh	:	.....
Cap Penyedia Latihan	:	.....

Catatan :

- (i) Individu yang perlu mengisi Surat Akuan ini adalah Pengurus Penyedia Latihan (PPL) yang ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran dan dilantik oleh Penyedia Latihan.
- (ii) Surat Akuan yang baharu perlu dilengkapkan dan dikemukakan sekiranya PPL telah berhenti berkhidmat di penyedia latihan yang dinyatakan.
- (iii) \*termasuk kesalahan yang ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif “kesalahan ditetapkan”) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (iv) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Borang Akuan, Akta Akuan Berkanun 1960 [Semakan -1969]
- (v) Tempoh sah pemakaian Surat Akuan ini adalah selaras dengan tempoh pendaftaran penyedia latihan dengan PTPK iaitu tiga (3) tahun bagi penyedia latihan swasta dan lima (5) tahun bagi penyedia latihan awam.


**AKTA AKUAN BERKANUN 1960 [SEMAKAN -1969]  
BORANG AKUAN PENGHANTARAN MAKLUMAT PENYEDIA LATIHAN BAGI  
PENDAFTARAN PENYEDIA LATIHAN DENGAN PTPK**

Saya, .....No. Kad Pengenalan.....  
yang mewakili Penyedia Latihan ..... kod  
Penyedia Latihan ..... adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya  
mengakui bahawa :

- (i) Pernyataan-pernyataan yang terkandung dalam permohonan pendaftaran/ pembaharuan sebagai penyedia latihan yang berdaftar dengan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dan dokumen-dokumen yang dilampirkan adalah benar sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya;
- (ii) Tandatangan pada borang permohonan pendaftaran/ pembaharuan sebagai penyedia latihan yang berdaftar dengan PTPK ini adalah ditandatangani oleh saya;

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui oleh  
yang tersebut namanya di atas

.....  
di.....di  
Negeri .....  
pada ..... hari bulan ....., 20.....



Di hadapan saya,

.....  
(Tandatangan Hakim Mahkamah Sesyen, Majistret  
atau Pesuruhjaya Sumpah)